

Selasa – 20 Oktober 2020

Halaman :

Covid-19 

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 20 OKTOBER 2020

09

Dalam Negeri

Sanggup lari masuk hutan elak Covid-19

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Lebih 200 penduduk Orang Asli Bateq di Kampung Kuala Koh di sini hidup berpindah-randah lebih 10 kali dalam hutan tidak jauh dari kampung mereka sejak enam bulan lalu gara-gara takut dijangkiti Covid-19.

Tindakan itu diambil kerana mahu menjaga kesihatan diri dan ahli keluarga masing-masing daripada virus berkenaan.

Kebanyakan mereka membina pondok sementara di tepi sungai yang jaraknya kira-kira 10 hingga 15 kilometer dari Kampung Kuala Koh.

Seorang penduduk Orang Asli, **Johan Taun**, 75, berkata, mereka memilih kawasan kedianman baharu yang mempunyai kemudahan air bersih dan sumber makanan.

Katanya, sejak sebulan lalu, dia berpindah ke kawasan pinggir sungai berdekatan Taman Negara Kuala Koh.

"Sejak sebulan lalu, kami tinggal sementara di Sungai Lubuk Kucing.

"Kami mendirikan khemah di sini (tepi sungai) kerana kawasan ini mudah untuk mendapatkan air bersih dan makanan," katanya.

patkan air bersih dan memburu haiwan," katanya.

Seorang lagi penduduk Orang Asli, **Pikas Langsat**, 35, berkata, mereka berasa selamat tinggal di kawasan hutan dan pinggir sungai.

Katanya, mereka berpindah ke tempat lain setiap dua minggu sekali.

"Kampung Orang Asli Kuala Koh kerap lengang kerana mereka berpindah ke hutan sejak penularan wabak Covid-19 Mac lalu.

"Walaupun hidup di kawasan pedalaman tetapi kami mengetahui bahaya wabak Covid-19 kerana penduduk mempunyai kemudahan telefon dan internet untuk mengikuti perkembangan semasa," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Paloh, **Amran Arifin** berkata, Orang Asli suku Bateq sudah biasa hidup berpindah randah kerana aktiviti tersebut merupakan amalan mereka sejak turun-temurun.

Katanya, tindakan mereka berpindah sementara ke hutan berhampiran adalah untuk mencari sumber makanan dan melindungi ahli keluarga mereka daripada jangkitan penyakit.



KAUM lelaki Orang Asli suku Bateq dalam khemah sementara yang dibina di tepi Sungai Lubuk Kucing berhampiran Taman Negara Kuala Koh, semalam. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH